

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 17 (A161)**

Mengapakah permis perniagaan di kawasan Masjid tidak dibenarkan beroperasi sedangkan permis tersebut menjadi sumber ekonomi dan pendapatan rakyat kepada masjid dan masyarakat setempat. Apakah perancangan untuk manfaat permis tersebut?

JAWAPAN YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID

Kerajaan Negeri Johor sangat prihatin dari sudut pengimarahannya masjid dan surau serta sentiasa membantu jawatankuasa masjid dan surau yang ingin menggerakkan program pembangunan ekonomi di masjid dan surau.

Walaupun bagaimanapun terdapat sebahagian masjid dan surau yang mempunyai premis perniagaan didapati tidak mematuhi peraturan sebagaimana berikut:

- 1) Tidak menjaga kebersihan
Ini menyebabkan premis perniagaan dan kawasan masjid dan surau menjadi kotor
- 2) Berlaku perpecahan dalam Jawatankuasa Masjid Dan Surau
Wujud pertelingkahan antara Jawatankuasa Masjid Dan Surau berkaitan pembahagian keuntungan hasil perniagaan;
- 3) Tidak menjaga etika berpakaian
Terdapat pengunjung premis ketika masuk ke dalam kawasan masjid dan surau tidak menjaga etika berpakaian.

Sehubungan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar pada 13 Oktober 2021 telah menitahkan supaya tidak ada lagi premis atau ruang niaga di dalam kawasan masjid dan surau bagi sebarang urusan perniagaan.

Manakala bagi masjid-masjid yang sudah ada premis dan ruang niaga hendaklah diarahkan supaya ditutup.

Satu mesyuarat bersama Kadi-Kadi Daerah telah diadakan yang dipengerusikan oleh YB Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor berhubung perkara berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu ini sebagaimana berikut :

- 1) Adalah dicadangkan supaya premis dibangunkan di luar kawasan pagar masjid dan surau tetapi masih berada di dalam tanah wakaf masjid dan surau

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

- 2) Jawatankuasa masjid dan surau boleh meneruskan perniagaan di premis lain seperti rumah kedai dan sebagainya. Ini masih boleh dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- 3) Jawatankuasa Masjid dan Surau masih boleh meneruskan aktiviti perniagaan secara online dengan mengikut keperluan semasa;
- 4) Membangunkan tanah waqaf masjid dan surau supaya dapat memberikan pulangan pendapatan yang tinggi dengan kebenaran MAIJ.

Sememangnya masjid dan surau itu perlu diimarahkan dengan pelbagai program pengimarahkan masjid dan surau, tetapi dalam masa yang sama, etika dan adab dalam urus tadbir masjid dan surau hendaklah dijaga dengan sebaik- baiknya seperti kebersihan, persaudaraan, kebajikan dan seumpamanya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 18 (A118)

Minta dinyatakan adakah program pemberian komputer riba kepada murid dan pelajar sekolah akan dihentikan atau kekal diteruskan memandangkan mereka sudah kembali ke sekolah seperti sebelum pandemik?

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Kerajaan negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa berusaha ke arah membantu murid di sekolah-sekolah bawah seliaan walaupun negara Ketika ini telah berada dalam fasa peralihan endemik (Fasa Peralihan Endemik 2022 (P.U.(a) 83/2022) bermula 01 April 2022 yang lalu. Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah menjalankan program pemberian komputer riba/peranti kepada pelajar-pelajar dalam kumpulan sasaran terutamanya B40 pada ketika negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Sumbangan kerajaan negeri sebelum ini melibatkan pemberian peranti bagi kegunaan pembelajaran murid-murid melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor (PRE 3.0) yang dilancarkan pada 10 Jun 2021 seperti berikut:

PPD	Bilangan Peranti Terima ikut nisbah
1. BATU PAHAT	1048
2. JOHOR BAHRU	1377
3. KLUANG	656
4. KOTA TINGGI	511
5. KULAI	737
6. MERSING	183
7. MUAR	596
8. PASIR GUDANG	1498
9. PONTIAN	473
10. SEGAMAT	485
11. TANGKAK	357
JUMLAH	7921

Nota: Lebihan peranti mengikut nisbah 23% ($8000 - 7921 = 79$) dan penjajaran semula agihan bagi 282 buah sekolah.

Program dan usaha murni ini wajar diteruskan bagi membantu murid-murid yang memerlukan agar tidak tercicir dalam pendidikan bagi tujuan proses pembelajaran sendiri (*self-learning*) seiring pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) secara aktif.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri melalui ICT@Johor dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) sedang mengkaji pelaksanaan program ini dari beberapa aspek seperti berikut:

1. Keadaan semasa – pembelajaran secara bersemuka telah berjalan sepenuhnya di semua sekolah;
2. Kaedah pelaksanaan – JPN Johor perlu mengenalpasti golongan sasaran penerima;
3. Sumber peruntukan – bergantung kepada kekuatan kewangan semasa kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 19 (A132)**

Sila nyatakan apakah rancangan mitigasi banjir kilat daripada kerajaan negeri?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan berlakunya banjir kilat seperti kejadian pertembungan air pasang dan hujan lebat, limpahan air dari sungai utama, pembangunan, kawasan lebih rendah berbanding tebing saluran dan kegagalan sistem saluran berpunca sistem saluran lama, halangan sampah, kegagalan struktur serta sistem pam sedia ada yang tidak mencukupi. Selain itu, keadaan sungai utama yang tohor juga merupakan salah satu faktor berlakunya banjir.

Pelbagai langkah pencegahan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan pihak berkuasa tempatan seperti projek menaiktaraf parit lama atau membesarkan parit, projek tebatan banjir serta kerja penyelenggaraan pembersihan dan pembaikan struktur secara berkala dan "one-off" bagi menangani masalah banjir kilat termasuk kerjasama antara agensi berkaitan dan membuat syarat tambahan pembinaan kolam takungan dalam keperluan rancangan kemajuan pembangunan kawasan baru.

Kerajaan juga mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* banjir kilat ini bagi meminimumkan kesan sekiranya banjir kilat berlaku. Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan penandaan kawasan bahaya dibuat serta memastikan saluran air yang sempurna sepanjang banjir.

Bagi pihak JPS, satu pelan jangka masa panjang berjumlah RM861,160,692.00 sedang dirangka bagi mengatasi masalah banjir sekitar daerah Johor Bahru.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 20 (A173)**

Apakah tindakan segera dalam menangani isu bekalan air terputus yang sering terjadi dalam kawasan FELDA Redong dan FELDA Kemelah?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Masalah bekalan air adalah tanggungjawab SAJ Ranhill. Walau bagaimanapun, FELDA telah mengambil langkah-langkah perlu di dalam kapasiti FELDA untuk membantu mengurangkan beban penduduk seperti berikut:

1. Menghubungi SAJ Ranhill dan memaklumkan kejadian terputus bekalan air dengan segera.
2. Memohon lori SAJ untuk menghantar air ke lokasi setiap kali berlaku kejadian terputus bekalan air.
3. Memohon di tempatkan tangki statik di blok atau lokasi strategik bagi mengurangkan isu bekalan air di rumah peneroka.
4. Menggalakkan peneroka membina tangki bagi tujuan penyimpanan air.

Untuk mengatasi isu ini, satu perancangan jangka panjang perlu dibentuk melibatkan semua pihak dan agensi yang berkenaan. Antaranya FELDA, SAJ Ranhill, pemimpin setempat dan TNB.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 21 (A181)

Mohon pihak kerajaan negeri menyegerakan proses penyerahan hak milik tanah di kawasan Wak Hamyah, Kampung Rahmat, Mukim Minyak Beku Senggarang memandangkan isu tanah ini lebih 20 tahun tidak selesai.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **YB Senggarang**, perkara yang ditimbulkan menjadi fokus pihak kerajaan kerana telah tertangguh lama.

Tanah yang dipohon terletak di atas bekas Rizab Tadahan Air Koris yang telahpun dibatalkan, sebagaimana persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bertarikh 13.10.2004.

Terdapat beberapa kampung yang terlibat dalam kawasan itu antaranya Kampung Rahmat, Kampung Nawijaya, Kampung Bukit Batu Pasir dan Kampung Bukit Batu. Sebahagian tanah di kawasan itu telah dikeluarkan hakmiliknya oleh pihak yang bertanggungjawab.

Kawasan Kampung Wak Hamyah, Kampung Rahmat, Mukim Minyak Beku terletak didalam sebahagian Kampung Nawijaya. Permohonan tanah turut diterima daripada beberapa kumpulan penduduk setempat bagi diperakukan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bersetuju agar tanah-tanah di kawasan itu diperakukan untuk tapak rumah kediaman dan dijadikan sebuah kampung tersusun, sebagaimana ulasan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Pentadbir Tanah Batu Pahat.

Beberapa sesi perbincangan telah diadakan pada tahun 2020 dan pemohon-pemohon yang layak sebagaimana senarai nama asal di dalam permohonan terdahulu telah diberikan Jadual 1 borang Permohonan Tanah.

Terdapat juga sebahagian Borang Permohonan yang telah lengkap dan dikembalikan kepada Pejabat Tanah Batu Pahat untuk tindakan selanjutnya, dan sebahagian lagi telah membuat pertukaran nama pemohon atas pelbagai sebab seperti pemohon telah berumur, berpindah dan tidak lagi berminat terhadap permohonan tersebut.

Pihak Pejabat Tanah Batu Pahat akan menyegerakan perakuan mendapatkan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri setelah semua borang permohonan telah lengkap diterima.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 22 (A99)**

Tanah hak milik persendirian seluas 85 ekar, setinggi 300 meter di Gunung Lambak telah diterokai dan dikhuatiri merosakkan ekosistem Gunung Lambak. Apakah kronologi pemilikan tanah, saiz dan syarat tanah tersebut, sejak geran pertama di tahun 1940an.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk Makluman **YB Mengkibol**, tanah yang dimaksudkan merangkumi 17 plot iaitu PTD 6251 – PTD 6258, PTD 6260 – PTD 6265 dan PTD 6270- PTD 6272 dengan luas keseluruhan 92.059 ekar (37.255 hektar) telah berpegang dengan hakmilik tanah PT 5203 (Lot 8239).

Hakmilik 17 plot ini adalah di atas nama *Steadfast Properties Sdn Bhd* dengan syarat tanah pertanian dan pegangan kekal. Sebagaimana hak pemilik tanah di dalam Kanun Tanah Negara 1965, berhak membangun atau mengusahakan tanah milik dengan mematuhi syarat sedia ada dan juga peruntukan perundangan yang berkaitan.

Pemilik telah menjalankan kerja-kerja pembersihan bagi maksud pertanian tetapi disebabkan ada hasil kayu yang tidak mendapat kelulusan permit pengeluaran, Jabatan Perhutanan telah mengarahkan kerja-kerja berkaitan dihentikan sehingga kebenaran diperolehi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 23 (A23)

Apakah status terkini dan langkah kerajaan negeri bagi mempercepatkan proses pengeluaran hak milik strata bagi 264 unit rumah di Riverria Condovilla di atas PN 64252 PTD 158952, Mukim Pulau Daerah Johor Bahru.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **YB Perling**, Riverria Condovilla di atas PN 64252 PTD 158952 terletak dalam Mukim Pulau, Johor Bahru dan didaftarkan pada 2014 atas hakmilik induk (*Master Title*) YPJ Multi-Ventures Sdn Bhd (YPJMV)

Satu projek pembangunan perumahan bercampur telah dibangunkan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bersama Vector Resources Sdn. Bhd. (Kemayan Riverview Sdn. Bhd.) menerusi perjanjian pada 11 Jun 1991 di kawasan itu.

YPJ juga telah memberi wakil kuasa kepada YPJ Multi-Bina Sdn. Bhd. pada 21 April 1995 untuk bertindak bagi pihak YPJ ke atas pembangunan di Taman Tampoi Utama.

Pihak Kemayan Riverview Sdn. Bhd. (Kemayan) sepatutnya membangunkan 1,028 unit kondominium Riverria Condovilla, namun hanya menyiapkan 264 unit. Baki 764 unit gagal disiapkan. Perintah Penahanan daripada Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat 1965 dikeluarkan pada 12 Ogos 1998, menghentikan operasi pada 31 Disember 2000.

Tanah tersebut telah diambil alih oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta). Pengambilalihan dibuat akibat kegagalan menjelaskan Cukai Tanah dan isu hakmilik strata kepada 264 penghuni yang telah mendiami kondominium tersebut.

Tiga isu utama perlu diselesaikan berkaitan hakmilik strata ini iaitu **keperluan dana**, **isu teknikal tapak** dan **isu perundangan** terutama berkaitan Danaharta.

Pihak YPJMV telah memohon semula tanah tersebut daripada pihak kerajaan negeri dan telah diluluskan pada 16 Januari 2013. YPJMV kemudiannya menandatangani perjanjian usahasama bersama Koleksi Sigma Sdn. Bhd. pada 20 April 2014 untuk membangunkan baki kawasan Taman Tampoi Utama.

YPJMV juga telah mengadakan rundingan dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian Johor, Pejabat Tanah Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk mengatasi isu teknikal tapak.

Penyelesaian teknikal yang dicadangkan ketika itu tidak berdaya maju dan mengakibatkan salah satu syarikat usahasama tersebut menarik diri selain itu isu perundangan tidak dapat diatasi kerana Danaharta telah memasukkan *Kaveat*

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

Persendirian atas tanah pada 1 September 2015 (Rujukan No Pers27578 / 2015) untuk menghalang segala urusniaga di atas tanah.

Berdasarkan permasalahan yang timbul tersebut, pihak YPJMV melalui peguam telah membuat permohonan pemotongan kaveat Danaharta (Rujukan No. Pers 7408/2018) pada 4 Mac 2018. Namun, Danaharta sekali lagi memasukkan Kaveat Persendirian ke atas tanah (No. Pers 39720/2018) pada 7 November 2018.

Apabila ketiga-tiga isu ini tidak dapat diatasi usaha menyelesaikan hak milik strata turut tergendala. Namun YPJMV tetap meneruskan usaha ini walaupun terpaksa menggunakan dana dalaman.

Sehingga kini, YPJMV telahpun membelanjakan lebih **RM 7 juta** merangkumi bayaran premium tanah, bayaran Cukai Tanah, bayaran Cukai Harta dan lain-lain. Dijangka sejumlah lebih RM4 juta lagi bagi mengatasi isu teknikal sediaada.

Strategi teknikal baru telah dibuat. Sedang dalam proses akhir adalah Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) secara pecah sempadan 4 hakmilik bagi PN 64252 PTD 158952. Ini bagi mengeluarkan hak milik ke atas tanah yang mengandungi 264 unit kondominium Riverria Condovilla diatas tanah seluas 13.74 ekar. Seterusnya pengeluaran hak milik strata akan dapat dibuat. Baki 3 lot seluas 10.6 ekar akan diperuntukkan bagi pembangunan akan datang.

Permohonan pemotongan kaveat persendirian oleh Danaharta juga telahpun dilakukan melalui peguam syarikat pada 24 Mei 2022 yang lalu.

Pihak YPJ juga akan membawa perkara ini ke pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah untuk membuat permohonan pecah bahagian Lot 158952. Ini bertujuan menyelesaikan bahagian tanah yang telah dibangunkan Kondominium Riverria Convilla sedia ada dan seterusnya membuat permohonan pengeluaran hakmilik strata.

Perbincangan lanjut bersama YPJ akan diteruskan untuk menyelaras penyelesaian isu dan mempercepatkan proses pengeluaran hak milik strata.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 24 (A80)

Kerja-kerja naiktaraf Jalan J4 Gelang Patah telah menyebabkan banjir kilat di Kampung Baru Muafakat dan Taman Syed Idrus apabila hujan lebat. akibat kerja-kerja yang terbengkalai sekian lama. Apakah maklumat terkini status projek tersebut dan bilakah ianya boleh disiapkan?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, hasil semakan dan lawatan di tapak oleh pihak JKR mendapati bahawa Kerja-Kerja Naiktaraf Jalan J4 Gelang Patah tidak menjadi punca kepada isu banjir. Namun sebaliknya permasalahan ini adalah disebabkan oleh sistem perparitan dan saluran yang lemah dalam Kawasan Kampung Muafakat menjadi punca kepada terjadinya banjir di kawasan tersebut.

Menurut JPS Negeri Johor, bagi mengatasi masalah banjir di Kg Baru Muafakat dan Taman Syed Idrus pihak JPS sedang melantik jurukur bagi mendapatkan data keperluan di tapak sebelum proses rekabentuk dimulakan. Kerja-kerja rekabentuk akan dilaksanakan setelah data ukur diperoleh dan kerja fizikal bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut boleh dimulakan seawal 2023. Bagi menyelesaikan masalah banjir jangka masa pendek, Kerajaan Negeri melalui JPS Johor telah memperuntukkan RJ5T kerja-kerja penggalian Sungai Gelang Patah dengan kos RM150,00.00 dan Sungai Senapang RM80,000.00 yang dalam pelaksanaan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 25 (A59)

Di Sungai Semalok, Jalan Mawai, (FT 099 – Sek-4.30) dan di Jalan Perani (J179 – Sec 7.0) mohon menaik taraf jambatan dan jalan dikawasan tersebut serta menaik taraf sistem perparitan yang tidak dapat menampung kapasiti air semasa hujan.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, JKR telah membuat permohonan bagi projek Naiktaraf Jambatan Sungai Semalok, Jalan Mawai FT099 (Sek.43.00). Permohonan projek Menggantikan Jambatan di sungai Semalok ini telah diangkat di dalam Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia ke-12 (RP3, RMK ke 12) telah dibuat pada 17 Januari 2022.

Projek ini dimohon bagi meningkatkan aspek keselamatan dan keselesaan jalan bagi pengguna Jalanraya terutamanya apabila tiba musim hujung minggu, cuti perayaan dan cuti persekolahan kerana jambatan sedia ada bersaiz 7meter lebar dan 2.3meter panjang. Selain itu, ianya adalah untuk mengatasi masalah banjir yang sering terjadi di kawasan tersebut dan mengakibatkan jalan perhubungan terputus.

Dengan penggantian ini, jambatan sedia ada yang sempit dengan jambatan baru sesuai dengan saiz trafik yang melalui jambatan tersebut dan naik aras jambatan dapat mengelakkan kawasan ini dilanda banjir ketika musim hujan lebat. Selain itu ianya dapat memberikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan di laluan tersebut di samping dapat membantu menjana ekonomi setempat dan menyediakan sistem jaringan jalanraya yang lebih efisien.

Bagi Jalan Perani J179 pula, permohonan naiktaraf sistem perparitan akan dipohon dalam permohonan Peruntukan Pembangunan Rancangan Johor Lima Tahun RJ5T. Jalan ini merupakan Jalan Negeri yang menghubungkan jalan persekutuan termasuk jalan FT099 (Jalan Lokheng/ Waha / Aping Barat) dan Jalan FT003 (Jalan Johor Bahru - Mersing). Jalan ini sering berlaku banjir kilat ketika hujan hujan lebat.

Antara justifikasi untuk projek ini adalah untuk mengatasi masalah banjir yang sering terjadi di kawasan tersebut yang mengakibatkan jalan perhubungan terputus dan juga menggantikan culvert dan perparitan sedia ada yang tidak dapat menampung kapasiti aliran air di kawasan sekeliling ketika hujan lebat.

Dengan terlaksananya projek ini ianya dapat mengelakkan kawasan ini dilanda banjir ketika hujan lebat dan dapat memberikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan di laluan tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 26 (A166)

Apakah rancangan kerajaan di dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Batu Pahat, khususnya di Jalan Tanjung Labuh, Jalan Bukit Pasir dan Jalan Kluang?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan keadaan jalan raya selamat kepada pengguna, di dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Batu Pahat, beberapa projek pembinaan jalan baru sedang dilaksanakan sebagaimana berikut:-

- i. Menaiktaraf Jalan Mk.6 Linau & Mk. 7 Tg. Sembrong, Batu Pahat, Johor (Fasa 2)
- ii. Membina Laluan Alternatif Menghubungkan Jalan Parit Jalil (J126) Dan Jalan Peserai (Ft005), Batu Pahat, Johor.
- iii. Menggantikan Laluan Baru Jalan Kg. Rahmat Merentasi Estet, Batu Pahat, Johor
- iv. Membina Median, Pusingan U Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam – Kluang FT050 Daripada Parit Sempadan, Batu Pahat (Seksyen 21) Hingga Jambatan Merentasi Lebuhraya PLUS (Seksyen 34.5).
- v. Manakala bagi projek pembinaan jalan baru yang telah diluluskan adalah sebagaimana berikut:-

Membina Jalan Baharu Menghubungkan Jalan Olak Batu (J206) Melalui Estet Tanjung Sembrong Ke Jalan Persekutuan (FT050), Parit Raja, Batu Pahat, Johor telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) dan peringkat pelaksanaannya adalah dalam fasa rekabentuk oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia dan pembinaan dijangka bermula pada penghujung tahun 2022.

Cadangan Menaiktaraf Persimpangan Jalan Tan Swee Hoe (J204) / Jalan Parit Besar (J202), Batu Pahat Johor telah diluluskan dalam Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) Tahun 2022 dan peringkat pelaksanaannya adalah dalam fasa perolehan oleh Ibu Pejabat JKR Johor.

Bagi projek-projek yang telah dimohon namun tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan adalah sebagaimana berikut:-

- i. Membina Jalan Bypass Menghubungkan Machap (Exit Lebuhraya) Ke Jalan Pt. Botak
- ii. Menaiktaraf Jalan Bukit Pasir-Tongkang Pechah
- iii. Menaiktaraf Jalan Bukit Pasir-Tongkang Pechah

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Kerja Raya akan mensyaratkan naiktaraf jalan sedia ada kepada permohonan pembangunan-pembangunan kawasan baru berskala besar dan memenuhi kriteria Kajian Kesan Lalulintas (*Traffic Impact Assessment*).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 23 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 27 (A44)**

Adakah Projek Pintasan Senai-Kulai (Senai-Kulai bypass) termasuk dalam senarai perancangan pelaksanaan di bawah RMK12 Rolling Plan Ke-3 dan jika tidak, apakah rancangan alternatif untuk membantu menyelesaikan masalah kesesakan trafik jalan sedia ada iaitu Jalan FT001 Senai ke Kulai?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan ini adalah cadangan laluan alternatif terhadap laluan FT001 yang menghubungkan Bandar Senai dan Bandar Kulai. Cadangan projek ini bertujuan untuk menyuraikan lalulintas di laluan tersebut yang telah berada di dalam kategori LOS F (sebelum MCO RTVM 2021 = LOS E). Tambahan pula, kepesatan pembangunan di kawasan Johor Premium Outlet dan pembangunan di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan, Nusajaya telah meningkatkan lagi isipadu trafik di laluan sedia ada.

Justeru, cadangan projek ini difikirkan sesuai untuk menyuraikan kesesakan trafik di laluan sedia ada. Tajuk projek yang dicadangkan adalah:

**CADANGAN MEMBINA JALAN PINTAS BANDAR KULAI (KULAI BYPASS)
DALAM DAERAH KULAI, JOHOR**

- i. Cadangan laluan adalah sepanjang 14km dengan Piawaian Jalan U5 daripada KM 23, Jalan Johor Bahru - Ayer Hitam (FT 001) melalui Taman Aman, Bandar Indahpura, Taman Putri dan Taman Lagenda Putra, Kulai serta kos projek dianggarkan sebanyak RM 705 Juta.
- ii. Jabatan Kerja Raya telah mengangkat projek ini untuk kelulusan sejak RMKe 9, RMke 10, RMke 11, dan RMke 12 Rolling Plan 1, walau bagaimanapun ianya belum diluluskan. Projek ini tidak diangkat semasa Rolling Plan 2, dan Rolling Plan 3, RMke 12 kerana terdapat projek lain yang dirasakan lebih berkeutamaan di peringkat Negeri Johor jika dilihat dari segi faktor akses dan juga kos.
- iii. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat laluan alternatif lain bagi akses Bandar Senai - Kulai iaitu melalui Lebuhraya Utara Selatan dengan kadar tol sebanyak RM1.15 yang dirasakan kurang membebaskan pengguna.
- iv. Walau bagaimanapun, Perbincangan diperingkat negeri telah dibuat untuk projek ini dan dicadangkan diangkat oleh Pejabat Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di dalam Rolling Plan 3, RMke 12. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut belum diluluskan dan akan dimohon semula pada Rolling Plan yang akan datang.